

JOB APPLICANT PRIVACY NOTICE

INFORMATION GATHERING AND USAGE

ZICO Holdings Inc and its subsidiaries (together “ZHI Group”, “**we**”, “**us**” or “**our**”) may collect, store, use and otherwise process certain individually identifiable data about you as a job applicant (“**Personal Data**”) to the extent permitted by applicable law, which includes but not limited to your:

- (a) name or alias, gender, date of birth, nationality, and country and city of birth;
- (b) mailing address, telephone numbers, email address and other contact details;
- (c) resume, educational qualifications, professional qualifications and certifications and employment references;
- (d) employment and training history;
- (e) salary information and bank account details;
- (f) details of your next-of-kin, spouse and other family members;
- (g) photographs; and
- (h) other personal data for the purposes of your application.

We generally collect personal data that (a) you knowingly and voluntarily provide in the course of or in connection with your employment or job application with us, or via a third party who has been duly authorised by you to disclose your personal data to us (your “**authorised representative**”, which may include your job placement agent), after (i) you (or your authorised representative) have been notified of the purposes for which the data is collected, and (ii) you (or your authorised representative) have provided written consent to the collection and usage of your personal data for those purposes, or (b) collection and use of personal data without consent is permitted or required by the relevant laws. We shall seek your consent before collecting any additional personal data and before using your personal data for a purpose which has not been notified to you (except where permitted or authorised by law).

Where applicable for the purpose of your application for employment, we may also require you to provide Personal Data relating to your referees, spouse(s), family members or other dependents, and where necessary for our own internal reference and records, with your consent, information relating to your previous salary or pay (including the relevant documentation or records). To the extent that you have provided (or will provide) Personal Data about your referees, spouse(s), family members or other dependents, it is your responsibility to inform such individuals about the processing of their Personal Data by us for the purposes and in the manner described in this Privacy Notice. You must also inform them about their rights of access, rectification and deletion in accordance with applicable law and must obtain their consent, where necessary, to the processing and transfer of their Personal Data as set out herein, and where you have provided (or will provide) Personal Data about your previous salary or pay or any relevant confidential information, it is your responsibility to obtain your previous employer’s consent, where necessary, to the disclosure of the salary or pay or confidential information as set out herein.

We may also collect limited sensitive Personal Data that includes but not limited to: (i) physical and/or medical health information including vaccination status (for pre-employment physical examination approval, and health and safety risk assessment); (ii) racial or ethnic origin; (iii) information in relation to criminal convictions (processed as part of the application

process); (iv) information about religious beliefs; and (v) information about political opinions (“**Sensitive Personal Data**”). Personal Data would for purposes of this Privacy Notice include reference to Sensitive Personal Data.

Your personal data will be collected and used by us for the following purposes and we may disclose your personal data to third parties (including but not limited to referees, screening agencies, or credit agencies) where necessary for the following purposes:

- (a) assessing and evaluating your suitability for employment in any current or prospective position within the organisation;
- (b) verifying your identity and the accuracy of your personal details and other information provided;
- (c) performing obligations under or in connection with your contract of employment with us, including payment of remuneration and tax;
- (d) carry out background checks as part of the recruitment process, enforcement or regulatory authorities as required by any applicable law and/or otherwise in connection with your potential employment;
- (e) all administrative and human resources related matters within our organisation, including administering payroll, granting access to our premises and computer systems, processing leave applications, administering your insurance and other benefits, processing your claims and expenses, investigating any acts or defaults (or suspected acts or defaults) and developing human resource policies;
- (f) managing and terminating our employment relationship with you, including monitoring your internet access and your use of our intranet email to investigate potential contraventions of our internal or external compliance regulations, and resolving any employment related grievances;
- (g) assessing and evaluating your suitability for employment/appointment or continued employment/appointment in any position within ZHI Group;
- (h) ensuring business continuity for ZHI Group in the event that your employment with us is or will be terminated; and
- (i) facilitating our compliance with any laws, customs and regulations which may be applicable to us; and
- (j) otherwise in connection with your potential employment, our internal record keeping, maintenance and updating of any information database(s).

We may provide and/or transfer your personal data to other companies within the ZICO Holdings Inc group of companies in respect of your application for employment as well as to determine your suitability for employment within ZHI Group.

Unsuccessful Application

If your application is unsuccessful, we will keep your personal data only for a reasonable period based on our business needs and in accordance with our internal policies and procedures.

Successful Application

If your application is successful, we will process your personal data for purposes regarding employment with us.

In any other case, we will retain your personal data for the period necessary to fulfill the purposes stated herein unless a longer retention period is permitted or required by any applicable law. We will take all reasonable steps to destroy, or erase from our systems, all data which is no longer required.

Should there be a new purpose for the collection of your Personal Data, we shall inform you accordingly and obtain your consent to the same, where necessary.

If you choose not to provide us with your Personal Data or if you provide insufficient, invalid, incorrect or inaccurate Personal Data to us or decline to provide the Personal Data we require, we may not be able to process your application and it may impact your ability to be employed.

We will not disclose information provided by you to third parties without your consent other than as described in this Notice or in our Privacy Policy on our website.

For further information regarding the storage and transfer of your personal data, your rights in relation to your personal data, and the contact details of our privacy officer, please read our Privacy Policy on our website.

Changes to this Privacy Notice

We reserve the right to update and amend this Privacy Notice from time to time.

Language

In accordance with the requirement of Malaysian data protection and privacy law, this Privacy Notice is issued in both English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistencies or discrepancies between the English version and the Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail.

How You Can Contact Us

Any questions, comments and requests regarding this Privacy Notice are welcomed and should be addressed to hr@zicoholdings.com.

NOTIS PRIVASI PEMOHON PEKERJAAN

PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN MAKLUMAT

ZICO Holdings Inc dan anak-anak syarikatnya (“**Kumpulan ZHI**” atau “**kami**”) mungkin akan mengumpul, menyimpan, mengguna dan memproses data individu anda (“**Data Peribadi**”) sebagai pemohon kerja setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan , termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) nama atau nama samaran, jantina, tarikh lahir, kewarganegaraan, dan negara serta bandar kelahiran;
- (b) alamat surat-menyurat, nombor-nombor telefon, alamat e-mel dan butiran perhubungan yang lain;
- (c) resume, kelayakan pendidikan, kelayakan profesional dan pengiktirafan dan rujukan pekerjaan;
- (d) sejarah pekerjaan dan latihan;
- (e) maklumat gaji dan butiran akaun bank;
- (f) butiran waris, pasangan dan ahli keluarga anda yang lain;
- (g) gambar-gambar; dan
- (h) data peribadi yang lain untuk tujuan permohonan anda.

Kami mengumpul data peribadi: **(a)** yang berkaitan dengan pekerjaan anda atau permohonan pekerjaan anda bersama kami yang diberikan secara sukarela oleh anda secara langsung, atau melalui pihak ketiga yang telah diberi kuasa sewajarnya oleh anda untuk menzahirkan data peribadi anda kepada kami (“**wakil diberi kuasa**” anda, termasuk ejen penempatan pekerjaan anda), setelah (i) anda (atau wakil diberi kuasa anda) telah dimaklumkan tentang tujuan pengumpulan data, dan (ii) anda (atau wakil diberikuasa anda) telah memberikan kebenaran secara bertulis kepada pengumpulan dan penggunaan data peribadi anda untuk tujuan tersebut, atau **(b)** di mana pengumpulan dan penggunaan data peribadi anda tanpa kebenaran dibenarkan atau diperlukan berdasarkan undang-undang yang berkenaan. Kami akan meminta kebenaran anda sebelum mengumpul sebarang data peribadi tambahan atau sebelum menggunakan data peribadi anda untuk tujuan yang tidak dimaklumkan kepada anda (kecuali di mana yang dibenarkan atau diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang terpakai).

Jika perlu, kami juga mungkin memerlukan anda untuk mengemukakan Data Peribadi yang berkaitan dengan referi-referi, pasangan, ahli keluarga atau tanggungan anda yang lain, untuk rujukan dalaman dan rekod kami, dan jika diperlukan, dengan persetujuan anda, maklumat

mengenai gaji atau bayaran terdahulu anda (termasuk dokumentasi atau rekod-rekod yang berkenaan).

Anda bertanggungjawab untuk memberitahu individu-individu tersebut mengenai pemprosesan Data Peribadi mereka oleh Kumpulan ZHI sebagaimana tujuan dan cara yang diterangkan dalam Notis Privasi ini. Anda juga perlu memaklumkan kepada mereka tentang hak akses, pembetulan dan pemadaman Data Peribadi mereka mengikut undang-undang yang berkenaan dan persetujuan mereka juga harus diperolehi, jika perlu, untuk pemprosesan dan pemindahan Data Peribadi mereka seperti yang dinyatakan di sini, dan di mana anda telah memberi Data Peribadi mengenai gaji atau upah anda atau sebarang maklumat sulit yang berkaitan, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mendapatkan persetujuan majikan anda yang terdahulu, jika perlu, untuk pendedahan gaji atau upah atau maklumat sulit seperti yang dinyatakan dalam notis ini.

Kami juga mungkin mengumpul Data Peribadi sensitif termasuk tetapi tidak terhad kepada: (i) maklumat kesihatan fizikal dan/atau perubatan termasuk status vaksinasi (untuk kelulusan pemeriksaan fizikal pra-pekerjaan, dan penilaian risiko kesihatan dan keselamatan); (ii) asal-usul kaum atau etnik; (iii) maklumat berhubung dengan sabitan jenayah (diproses sebagai sebahagian daripada proses permohonan); (iv) maklumat tentang kepercayaan agama; dan (v) maklumat mengenai pendapat politik ("**Data Peribadi Sensitif**"). Data Peribadi untuk tujuan Notis Privasi ini termasuk rujukan kepada Data Peribadi Sensitif.

Kami hanya menggunakan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut dan kami mungkin akan berkongsi dan/atau memindahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga (termasuk tetapi tidak terhad kepada referi, agensi penyaringan atau agensi kredit) jika perlu untuk tujuan-tujuan berikut:

- (a) menilai kesesuaian anda untuk pekerjaan dalam mana-mana jawatan termasuk jawatan prospektif dalam organisasi kami;
- (b) mengesahkan identiti anda dan menentukan butiran peribadi dan maklumat lain yang telah diberikan kepada kami adalah tepat;
- (c) memenuhi kewajipan kontrak pekerjaan anda bersama kami, termasuk pembayaran elaun dan cukai;
- (d) menjalankan semakan latar belakang semasa proses pengambilan, atau sebagai salah satu keperluan penguatkuasaan atau pihak berkuasa pengawal seliaan di

bawah undang-undang yang berkenaan dan/atau berkaitan dengan potensi pekerjaan anda;

- (e) semua urusan pentadbiran dan sumber manusia dalam organisasi kami, termasuk pentadbiran gaji, pemberian akses ke premis dan sistem komputer kami, memproses permohonan cuti, mentadbir insurans dan faedah lain, memproses tuntutan dan perbelanjaan anda, menyiasat sebarang perbuatan atau kekurangan (atau kecurigaan perbuatan atau kekurangan) dan membangunkan polisi sumber manusia;
- (f) mengurus dan menamatkan hubungan pekerjaan anda dengan kami, termasuk memantau akses internet anda dan penggunaan e-mel intranet kami untuk menyiasat potensi pelanggaran peraturan dan pematuhan dalaman atau luaran kami, serta menyelesaikan sebarang aduan berkaitan pekerjaan;
- (g) menilai dan mengkaji kesesuaian anda untuk pekerjaan/pelantikan atau pekerjaan/pelantikan berterusan dalam mana-mana jawatan dalam Kumpulan ZHI
- (h) memastikan kesinambungan perniagaan bagi Kumpulan ZHI dalam keadaan di mana pekerjaan anda dengan kami dihentikan atau akan dihentikan; dan
- (i) memastikan pematuhan kami dengan mana-mana undang-undang, adat dan peraturan-peraturan yang mungkin berkesan terhadap kami; atau
- (j) berkaitan dengan potensi pekerjaan anda, penyimpanan rekod dalaman kami, penyelenggaraan dan pengemaskinian mana-mana pangkalan data maklumat.

Kami mungkin berkongsi dan/atau memindahkan data peribadi anda kepada syarikat lain di dalam kumpulan syarikat-syarikat ZICO Holdings Inc untuk menentukan kesesuaian anda untuk bekerja dengan syarikat-syarikat Kumpulan ZHI.

Permohonan Tidak Berjaya

Jika permohonan anda tidak berjaya, kami akan menyimpan data peribadi anda hanya untuk tempoh yang munasabah berdasarkan keperluan operasi kami dan selaras dengan polisi dan prosedur dalaman kami.

Permohonan yang Berjaya

Jika permohonan anda berjaya, kami akan memproses data peribadi anda untuk tujuan berkaitan dengan pekerjaan anda bersama kami.

Dalam kes lain, kami akan menyimpan data peribadi anda untuk tempoh yang diperlukan untuk memenuhi tujuan yang dinyatakan di sini melainkan tempoh pengekalan yang lebih panjang yang dibenarkan atau dikehendaki oleh mana-mana undang-undang yang diguna pakai. Kami akan mengambil semua langkah-langkah yang munasabah untuk memusnahkan, atau memadamkan semua data yang tidak diperlukan lagi daripada sistem kami,.

Sekiranya terdapat tujuan baru untuk pengumpulan Data Peribadi anda, kami akan memaklumkan anda dan mendapatkan persetujuan anda.

Jika anda enggan memberikan kepada kami Data Peribadi atau jika anda memberikan Data Peribadi yang tidak mencukupi, tidak sah, tidak betul atau tidak tepat atau enggan memberikan Data Peribadi yang kami perlukan, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda dan ia mungkin akan memberi kesan kepada peluang anda untuk diambil bekerja.

Kami tidak akan menzahirkan maklumat yang anda berikan kepada mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran anda selain daripada yang dinyatakan dalam Notis ini atau dalam Polisi Privasi kami di laman web kami.

Untuk maklumat lanjut mengenai penyimpanan dan pemindahan data peribadi anda, hak anda berkaitan dengan data peribadi anda, atau butiran hubungan pegawai privasi kami, sila baca Polisi Privasi kami di laman web kami.

Perubahan pada Notis Privasi ini

Kami berhak untuk mengemas kini dan meminda Notis Privasi ini dari semasa ke semasa.

Bahasa

Selaras dengan undang-undang yang berkenaan di Malaysia, Notis Privasi ini dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidaklarasan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Bagaimana Anda Boleh Menghubungi Kami

Sebarang pertanyaan, komen dan permintaan mengenai Notis Privasi ini adalah dialu-alukan dan harus dialamatkan ke hr@zicoholdings.com